

# KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

## **BANK MUAMALAT - MAB PERLUAS KERJASAMA, PERKASA KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA PENGLIHATAN**

**KUALA LUMPUR**, 28 Julai 2024 – Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan Persatuan bagi Orang Buta Malaysia (*Malaysian Association for the Blind*, MAB) bagi menjalin kerjasama holistik dalam memperkasakan komuniti orang kurang upaya (OKU) penglihatan.

Melalui MoC ini, seramai 59,413 orang yang berdaftar dibawah MAB dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mendapat manfaat yang bakal ditawarkan melalui kerjasama ini.

Bank Muamalat dan MAB telah bekerjasama sejak tahun 2020 melalui program Jariah Fund, iaitu portal pendanaan awam (*crowdfunding*) bagi projek-projek sosial. Sehingga kini, Bank Muamalat dan MAB telah melaksanakan empat kempen untuk membantu golongan kurang upaya penglihatan mendapatkan pendidikan, penjagaan kesihatan dan sokongan ekonomi yang sewajarnya. Bagi keempat-empat kempen tersebut, Jariah Fund telah berjaya mengumpul sejumlah RM32,022 bagi pelbagai tujuan antaranya pembelian kerusiurut mudah alih, pemerkasaan ICT OKU penglihatan dan lain-lain.

Menerusi MoC ini, kerjasama antara kedua-dua entiti ini diperluaskan lagi melalui inisiatif-inisiatif kewangan sosial antaranya program iTEKAD Bank Muamalat dan projek-projek zakat dan wakaf. Melalui program iTEKAD Bank Muamalat, warga OKU penglihatan yang layak bakal mendapat akses kepada bantuan modal pembelian aset, latihan berstruktur serta pembiayaan mikro. Tambahan itu, usahawan yang layak turut diberikan latihan pemasaran melalui platform atas talian e-dagang terpilih yang dikhususkan buat OKU penglihatan.

Selain itu, MAB juga turut memberikan komitmen untuk menyediakan khidmat latihan kepada kakitangan Bank Muamalat mengenai langkah untuk membantu golongan OKU penglihatan dalam urusan perbankan, yang akan mendorong komitmen jangka panjang Bank Muamalat dalam menyediakan perkhidmatan perbankan Islam untuk semua.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin berkata, kerjasama jangka masa panjang ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial Bank Muamalat dalam memperkasa komuniti OKU penglihatan melalui akses kemudahan kewangan, latihan serta produk dan perkhidmatannya.

“Saya berharap dengan MoC ini, Bank Muamalat dapat membantu komuniti OKU penglihatan dalam menjana pendapatan sendiri serta merapatkan jurang ekonomi dan mampu lebih berdaya saing apabila mereka dilengkapi dengan latihan dan keperluan,” katanya.

“Melalui kerjasama ini, Bank Muamalat turut menyokong kerangka Layanan Adil terhadap Pengguna Kewangan (*Fair Treatment of Financial Consumers, FTFC*) dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia bertujuan untuk mewujudkan sistem kewangan lebih inklusif yang melindungi kepentingan semua pengguna, terutamanya mereka yang terdedah.”

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Dato’ George Thomas berkata, kerjasama tersebut adalah selari dengan visi MAB untuk memastikan setiap komuniti OKU penglihatan dapat hidup berdikari melalui hasil pendapatan sendiri.

“Berdasarkan empat kempen Jariah Fund bersama Bank Muamalat yang berjaya sebelum ini, MAB sangat berbesar hati untuk memperluas kerjasama dalam program kewangan sosial Bank Muamalat bagi meningkatkan taraf hidup ahli MAB dan komuniti OKU penglihatan secara menyeluruh,” katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai Jariah Fund dan iTEKAD Bank Muamalat, sila layari laman sesawang Bank Muamalat di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau kunjungi cawangan Bank Muamalat terdekat. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

## TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Syahida Azureen | [syahida.azureen@muamalat.com.my](mailto:syahida.azureen@muamalat.com.my) | +6012 242 3696

Mohd Nazrul Hafizi | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

### Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.